



Muhyiddin menyaksikan penyerahan replika cek RM500,000 antara Dr Musa (tiga dari kanan) kepada Dr Ismail sambil diperhatikan Mohamad sempena Majlis Pelancaran Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin Muhammad, di USIM, semalam. [FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]

Yang turut hadir, Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr Musa Ahmad; Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Nurul Yaqeen, Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Kursi atau jawatan profesor akademik diwujudkan oleh USIM dengan kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen yang menyumbangkan dana sebanyak RM500,000 setahun.

Kursi itu dinamakan sempena nama bapa Muhyiddin sebagai menghargai ketokohan Allahyarham yang progresif dan proaktif dalam memperjuangkan kepentingan agenda pembangunan Melayu dan Islam di Malaysia.

Presiden Persatuan Universiti Antarabangsa, Profesor Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak, dilantik sebagai penyandang kursi itu yang pertama.

#### Dunia iktiraf Malaysia model negara Islam

Muhyiddin berkata, dunia turut mengiktiraf Malaysia sebagai model negara Islam moden, demokratik, stabil serta pesat membangun dan boleh menjadi contoh kepada negara lain.

Katanya, kemajuan Malaysia dalam bidang ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi membuktikan sebuah negara Islam yang diurus dengan baik boleh mencapai kejayaan seperti negara maju.

"Malah, Malaysia antara pelopor dalam bidang tertentu termasuk pembasmian kemiskinan, pengurusan haji, hab makanan halal, perundangan serta kewangan Islam yang menjadi rujukan negara lain.

"Kejayaan kita menubuh serta mengurus dengan baik pelbagai institusi Islam, terutama dalam pengurusan hal ehwal agama, pendidikan, ekonomi, undang-undang dan pembangunan sosial menjadikan Malaysia antara negara contoh yang diteladani negara Islam lain," katanya.

# Malaysia paling aman hubungan penganut

» Kebebasan beragama elak konflik dalam masyarakat majmuk

dalam hubungan antara penganut agama yang berbeza.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata walaupun Malaysia negara pelbagai kaum dan agama, konflik antara agama yang mengakibatkan kacau-bilau dan pertumpahan darah di negara majmuk lain tidak berlaku di sini.

Katanya, kerajaan tidak pernah menghalang masyarakat bukan Islam membuka pusat ibadat atau institusi agama masing-masing dalam mempraktikkan kebebasan beragama yang dijamin oleh Perlembagaan.

"Masyarakat bukan Islam boleh mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing secara aman dan harmoni

“Masyarakat bukan Islam boleh mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing secara aman dan harmoni di negara ini”

Muhyiddin Yassin,  
Timbalan Perdana Menteri

di negara ini," katanya ketika melancarkan Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin Muhammad, di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, semalam.

Oleh Ifwan Tun Tuah  
ifwan@bh.com.my

Bandar Baru Nilai

Perlembagaan yang menjamin kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan hak kebebasan beragama bagi bukan Islam, meletakkan Malaysia sebagai antara negara paling aman